

14 AUG 1998

AS-keselamatan

KEDUTAAN AS: DUTA NYATAKAN PENGHARGAAN DI ATAS BANTUAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, John R. Malott hari ini menyatakan penghargaan kepada kerajaan Malaysia kerana memberi kerjasama berhubung dengan keselamatan kedutaan AS itu di sini berikutan dengan pengeboman serentak dua kedutaan negara itu di Afrika baru-baru ini.

"Kami sangat-sangat berterima kasih kepada kerajaan Malaysia khususnya Polis Diraja Malaysia kerana sokongan dan kerjasama penuh mereka. Kami tidak boleh meminta lebih dari itu," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Katanya kedutaan AS di sini dan juga di negara-negara lain di seluruh dunia telah diarahkan oleh Jabatan Negara "untuk menilai dan memperketatkan prosedur keselamatan berikutan perkembangan antarabangsa, terutamanya kejadian pengeboman di Kenya dan Tanzania."

Ketua Panglima Angkatan Laut AS di Pasifik, Admiral Archie Clemins juga menyatakan penghargaan terhadap langkah-langkah wajar dan responsif Malaysia melindungi kedutaan AS dan kepentingannya di sini berikutan dengan kejadian di Afrika itu Jumaat lepas.

"Kerajaan Malaysia sungguh responsif. Saya fikir langkah-langkah wajar sudah diambil," katanya kepada pemberita selepas memberi ceramah di Institut Maritim Malaysia di sini hari ini.

Lebih dari 250 orang, termasuk 12 rakyat AS terbunuh dan 5,000 lagi cedera apabila dua bom kereta meletup serentak di Nairobi di Kenya dan Dar es Salaam di Tanzania Jumaat lepas.

Berikutan itu, Jabatan Negara AS pada Selasa lepas memberi amaran mengenai ancaman terhadap kepentingan AS di Mesir, Yemen dan Malaysia dengan berkata "ia mungkin termasuk serangan ke atas bangunan."

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Rabu lepas berkata beliau tidak nampak sebab kenapa Malaysia dilibatkan sebagai antara negara di mana terdapat ancaman terhadap kepentingan AS.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga menyatakan kebimbangan berhubung dengan kenyataan Jabatan Negara itu kerana ia mungkin disalah tafsirkan pihak lain termasuk pelabur asing, pelancong, dan peminat sukan yang mahu datang ke Malaysia untuk menyaksikan Sukan Komanwel Ke-16 bulan depan.

Clemins berkata AS menganggap semua ancaman terhadap rakyat dan kepentingannya di seluruh dunia sebagai serius, tidak kira sama ada ia benar atau tidak.

"Sesiapapun antara kami boleh mendapat panggilan telefon esok, yang menyatakan kedutaan AS di Jepun, Filipina atau Konsulat AS di Hong Kong akan diletupkan. Kami akan mengambil tindakan tidak kira sama ada kami boleh membuktikannya ataupun tidak," katanya

Ditanya mengapa Jabatan Negara melibatkan kedutaan-kedutaan AS di Malaysia, Mesir dan Yemen sebagai kemungkinan sasaran ancaman itu, Clemins berkata Jabatan Negara AS bukan sengaja berbuat demikian.

"Terdapat penemuan risikan yang mempunyai maklumat mengenai perkara itu (ancaman itu)," katanya.

"Dari mana datangnya, saya tidak tahu tetapi sudah tentu ia bukan datang dari Jabatan Negara. Oleh itu Jabatan Negara sedang mengambil tindakan berasaskan kepada risikan yang dikumpul. Seperti yang saya katakan, Kami bukan sengaja melibatkan Malaysia. Kenapa kami harus berbuat demikian. Mungkin ia boleh terjadi pada orang lain (negara lain)," katanya.

Pegawai Akhbar Kedutaan AS di sini, James Warren berkata keselamatan

kedutaan itu diperketatkan apabila ia meminta polis mengadakan lebih rondaan di kawasan itu.

Tetapi Warren berkata beliau tidak fikir apa yang berlaku di Kenya dan Tanzania boleh berlaku di Malaysia.

-- BERNAMA

MHI WAT